

## Borneo Duathlon Series 2017 Di UMS Meriah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 12 Oktober 2017 10:33 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 879

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**RABU, 4 OKTOBER**  
 – Acara Borneo Duathlon Series 2017 yang berlangsung di kampus UMS baru-baru ini meriah dengan penglibatan seramai 120 peserta bersaing merebut hadiah kemenangan dalam lima kategori yang

dipertandingkan.

Program pertandingan anjuran Pusat Rehabilitasi dan Kecergasan Fizikal, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS dengan kerjasama pelajar program Sains Sukan menggabungkan disiplin antara aktiviti berbasikal dan juga larian melalui kategori *Men Open*, *Women Open*, *Men Master* (45 tahun ke atas), *Mix Relay* dan *Men Relay*.

Menurut kenyataan Pusat Rehabilitasi dan Kecergasan Fizikal, FPP, pertandingan itu menyaksikan setiap peserta berlari pada pusingan pertama sejauh 6.5 km dan diikuti oleh acara berbasikal sejauh 30 km dan diakhiri dengan larian sejauh 4.3 km.

Persekitaran kampus UMS yang luas dan keadaan geografi yang berbukit-bukau dilihat amat bertepatan sebagai lokasi pertandingan khususnya kepada para peserta yang gemar dengan cabaran dalam acara itu, apatah lagi pertandingan sebegini semakin mendapat tempat dalam kalangan peminat sukan tanah air.

Dalam acara tersebut, Ahmadul Tahir mengungguli kategori *Men Master*, manakala Samsu Rudi dan Chiew Shil Ting masing-masing gah dalam kategori *Men Open* dan *Women Open*.

Bagi acara kategori *Men Relay*, ia dimenangi pasukan Ms Bandau, manakala *Mix Relay* diungguli oleh pasukan Rata 2017.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof menyempurnakan perasmian serta menyampaikan hadiah pertandingan kepada para pemenang.

Hadir sama Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FPP, Prof. Madya Dr. D Maryama Ag. Daud.

